

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB  
[PULAI]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [ PULAI ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan impak COVID-19 terhadap industri pertanian:

- (a) nilai impak (dalam RM) bagi setiap sektor; dan
- (b) berapakah bilangan pengusaha tani skala kecil/sederhana yang terkesan daripada pandemik ini dan apakah pelan Kementerian bagi membantu mereka menghadapi kemelut ekonomi ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang dalam proses pelaksanaan kajian impak COVID-19 kepada pengusaha tani termasuk petani, penternak dan nelayan setakat ini.
2. Mengikut rekod Kementerian, bilangan pengusaha tani skala kecil/sederhana yang berdaftar merangkumi sektor tanaman, perikanan dan ternakan adalah seperti berikut:

- i. Tanaman – 332,906 orang;
- ii. Ternakan – 50,640 orang; dan
- iii. Perikanan – 151,148 orang.

Jumlah pengusaha tani tersebut adalah sebanyak 534,694 orang.

3. Berkenaan dengan pelan Kementerian bagi membantu pengusaha tani yang terkesan akibat pandemik COVID-19, MAFI melalui PRE, PRIHATIN dan PENJANA akan melaksanakan 36 inisiatif bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

4. Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui insentif / subsidi, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan pembekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.

5. Di bawah PENJANA, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan tiga (3) inisiatif khusus seperti berikut:

- i. Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5% untuk tempoh 5 tahun;
- ii. Program Kebuniti atau Berkebun secara berkomuniti di bandar dan luar bandar, berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50,000 untuk komuniti; dan
- iii. Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan.

6. Keseluruhan program / projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE (termasuk projek infrastruktur dengan peruntukan RM50 juta), PRIHATIN dan PENJANA bernilai RM640 juta sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan / agensi di bawah MAFI.

**SOALAN NO : 40**

7. Kementerian berharap agar inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas ini dapat membantu meringankan bebanan kumpulan sasar yang terkesan akibat COVID-19 malahan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha tani untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara serta memastikan sekuriti makanan terus terjamin sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.